

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

TARIKH : 3.8.2017

SOALAN : NO.77

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pencapaian Institusi Pengajian Tinggi Swasta IPTS dalam kedudukan ranking dunia dan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu IPTS memperbaiki kedudukannya dalam ranking tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini terus menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun terutamanya diperingkat Asia. Berdasarkan penarafan oleh QS-World University Rankings (Asia) 2016, sebanyak 7 IPTS tersenarai sebagai antara universiti terbaik Asia iaitu Universiti Teknologi Petronas (UTP) (kedudukan ke-127), Taylor's University (kedudukan ke-179), Multimedia University (kedudukan ke-193), Lim Kok Wing University, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang semuanya berada dikelompok 251-300 serta UCSI University dikelompok 301-350.

Selain itu, penarafan *QS World University Rankings by Subject 2017* (QSWURS) telah menyenaraikan 6 bidang pengajian yang ditawarkan oleh IPTS adalah antara 200 terbaik dunia antaranya bidang *Hospitality*

& *Leisure Management* oleh Taylor's University berada pada kedudukan 50 terbaik dunia. UTP juga terus memperkasakan bidang kejuruteraan selaras dengan fokus universiti tersebut dan berjaya menempatkan tiga bidang kejuruteraannya sebagai antara yang terbaik didunia.

Manakala berdasarkan penarafan oleh Times Higher Education University Rankings: Asia (2017), sebanyak 2 IPTS berada di kalangan 150 universiti terbaik Asia iaitu UTAR (kedudukan ke:111-120) dan UTP (kedudukan ke:141-150).

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberi sokongan kepada IPTS dalam menambah baik tadbir urus dan penawaran program pengajian yang berkualiti dari semasa ke semasa. Selain daripada jaminan kualiti dalam negara seperti mana yang dilaksanakan oleh *Malaysia Qualification Agency* (MQA), KPT sentiasa menggalakkan IPTS untuk memperoleh penarafan peringkat dunia dalam pelbagai aspek. Penarafan antarabangsa merupakan antara kriteria untuk mendapatkan lesen Kementerian Dalam Negeri bagi pengambilan pelajar antarabangsa.